

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1991/92**

**Mac/April, 1992**

**ATP202 - PENGURUSAN PEMASARAN**

**Masa: [3 jam]**

---

**ARAHAN**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja. Soalan 1 adalah **WAJIB** dan pilih **TIGA** soalan yang lain.

**Soalan 1 (WAJIB)**

- (a) Kitaran Hayat Produk adalah begitu penting kepada pemasar-pemasar masa kini. Terangkan secara terperinci konsep kitaran hayat produk/dan kesannya kepada strategi pemasaran dalam peringkat pengenalan barang itu.

[15 markah]

- (b) Apakah strategi-strategi pemasaran yang boleh dipilih oleh pemasar semasa produk itu berada di dalam peringkat kematangannya?

[10 markah]

...2/-

Pilih **TIGA** soalan yang lain.

**Soalan 2**

"Pembelian kasut sudah menjadi satu pengalaman yang beremosi. Perniagaan kita kini adalah menjual keseronokkan daripada kasut".

"Pembelian kasut adalah berdasarkan harga. Kasut hanya melindungi kaki dan memberi keselesaan dalam perjalanan."

- (a) Di antara kedua-dua pernyataan di atas yang manakah anda sokong. Berikan jawapan anda secara terperinci.
- (b) Perihalkan alat-alat utama di dalam campuran promosi.

[25 markah]

**Soalan 3**

Terangkan secara ringkas senarai berikut:

- (a) "Wheel of retailing".
- (b) Peranan pembungkusan.
- (c) Segmentasi pasaran.
- (d) Strategi "tarik" dan "tolak".
- (e) Elemen-elemen di dalam rancangan pemasaran.

[25 markah]

**Soalan 4**

"Kejayaan sesuatu program jualan bergantung banyak kepada pembentukan pasukan jurujual yang cemerlang". Bincangkan bagaimana anda akan melaksanakan tugas tersebut?

[25 markah]

...3/-

Soalan 5

- (a) Takrif dan terangkan pengedaran fizikal.  
(b) Kerap kali pengedaran fizikal dilihat sebagai anak tiri pemasaran. Bincangkan.

[25 markah]

Soalan 6

Syarikat Meisei Sdn. Bhd. adalah salah sebuah pengeluar telefon terkenama di Malaysia. Berikut adalah maklumat tentang kos dan harga jualan bagi sejenis telefon keluaran syarikat ini:

Harga seunit	\$400/-
Kos berubah seunit	\$200/-
Kos tetap	\$300,000

- (a) (i) Kira titik pulang modal (dalam ringgit).  
(ii) Jualan dianggarkan sebanyak \$1,500,000. Apakah keuntungan yang dijangkakan?  
(iii) Kalau jualan diramalkan sebanyak \$800,000 sahaja, haruskah syarikat ini berhenti operasinya? Kenapa?  
(b) Keputusan sesebuah syarikat dalam menentukan harga dipengaruhi oleh faktor dalaman dan faktor persekitaran luaran. Bincangkan.

[25 markah]

----ooo000000----